



BAS SMART SELANGOR

SCAN TO RIDE

Pengguna Bas Smart Selangor diwajibkan untuk mengimbas KOD QR "Scan To Ride" semasa masuk dan sebelum turun dari bas menggunakan **Aplikasi CEPat**


Kit Produk

CARA SCAN TO RIDE (MENAIKI BAS)




1

Buka Aplikasi CEPat




2

Pilih Scan To Ride



3

Imbas Kod QR Di Pintu Masuk Bas



4

Isi Butiran Penumpang



5

Tunjuk Paparan Validasi Pada Kapten Bas



6


Selesai

CARA SCAN TO RIDE (KELUAR BAS)



1

Buka Aplikasi CEPat



2

Pilih Scan To Ride



3

Imbas Kod QR Di Pintu Keluar Bas



4

Selesai

SOALAN LAZIM

1. Bilakah Scan To Ride mula dilaksanakan?

Scan To Ride telah dilaksanakan secara berperingkat sejak Disember 2020. Untuk pelaksanaan mandatori kelak, penumpang bas Smart Selangor wajib mengimbas Kod QR yang terdapat pada pintu masuk bas semasa hendak menaiki bas; dan mengimbas sekali lagi di pintu keluar bas sebelum turun dari bas. Sila rujuk di laman media Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengetahui tahap pelaksanaan Scan to Ride di kawasan anda.

1. Siapa yang perlu membayar tambang Bas Smart Selangor?

Hanya pengguna warganegara luar dalam lingkungan umur 18 – 59 tahun sahaja akan dikenakan bayaran 90 token (bersamaan RM0.90) seorang bagi setiap perjalanan tanpa mengira destinasi mereka mulai 1 March 2021. Bagi warganegara luar yang bukan dalam lingkungan umur yang dinyatakan dan semua warganegara Malaysia tanpa mengira umur, perkhidmatan ini kekal percuma.

3. Bagaimana saya menggunakan fungsi ScanToRide?

Sesiapa yang ingin menaiki bas Smart Selangor perlu memuat turun aplikasi mudah alih Citizen e-Payment (CEPat) untuk mengimbas kod QR yang terdapat di pintu masuk dan pintu keluar bas Smart Selangor. Fungsi ScanToRide akan tertera bersama fungsi lain yang terdapat di dalam aplikasi tersebut.

3. Bagaimana jika saya belum mempunyai aplikasi CEPat?

Anda perlu memuat turun aplikasi CEPat terlebih dahulu sebelum menaiki bas Smart Selangor. Aplikasi Ini adalah percuma dan boleh dimuat turun di Google Playstore (Android) atau AppStore (iOS).

5. Bagaimana jika saya tidak mendaftar masuk?

Bagi PBT yang masih dalam tempoh kesedaran, anda masih boleh menaiki secara biasa dan akan diingatkan untuk muat turun aplikasi sebagai persediaan untuk pelaksanaan mandatori. Setelah PBT memulakan pelaksanaan mandatori (sila rujuk laman media rasmi PBT), sekiranya anda tidak mengimbas dan mendaftar masuk di pintu bas, anda tidak dibenarkan menaiki Bas Smart Selangor kerana pengguna wajib imbas terlebih dahulu sebelum menaiki bas. Kapten bas akan memastikan setiap pengguna mengimbas dan mendaftar masuk terlebih dahulu.

5. Bagaimana jika saya tidak mendaftar keluar?

Anda digalakkan mengimbas kod QR di pintu keluar bas sebelum turun dari bas. Maklumat daftar masuk dan daftar keluar anda amat berguna untuk membantu meningkatkan dan menambahbaik mutu perkhidmatan bas Smart Selangor. Sekiranya anda terlupa, sistem akan melakukan pemeriksaan dan akan daftar keluar (*check-out*) secara automatik untuk anda selepas tempoh tertentu. Namun, kami tidak akan mempunyai catatan data yang tepat di mana ia akan memberi kesan kepada data yang terkumpul dan seterusnya mengekang usaha kami dalam memberi perkhidmatan yang lebih baik untuk pengguna bas Smart Selangor.

5. Bagaimana saya membayar tambang bas Smart Selangor?

Hanya pengguna warganegara luar sahaja akan dikenakan tambang. Tambang sebanyak 90 token (bersamaan RM0.90) akan ditolak dari token yang tertera di dalam aplikasi CEPat selepas anda mengimbas kod QR di pintu masuk bas. Token boleh dimuat semula (*Reload*) melalui 2 kaedah iaitu pembayaran atas talian dengan menggunakan gerbang pembayaran yang terdapat di aplikasi CEPat (JomPAY, FPX, Boost, GrabPay, kiplePay, dll.) Muat semula juga boleh dilakukan di kedai-kedai runcit yang tersedia (99Speedmart, KKMart dan 7Eleven, dll.).


8. Saya berjalan dalam kumpulan, siapa dan bagaimana saya harus membayar/ imbas?

- a. Sekiranya anda seorang warganegara Malaysia dengan sekumpulan warganegara Malaysia, anda boleh menaiki bas dengan mengimbas kod QR bagi pihak kumpulan tersebut. Nyatakan berapa bilangan individu mengikut umur dalam aplikasi. Tiada bayaran yang dikenakan kepada warganegara Malaysia.
- b. Sekiranya anda warganegara luar dengan kumpulan warganegara luar:
 - i. Anda boleh menaiki bas dengan mengimbas kod QR bagi pihak kumpulan tersebut. Anda akan dikenakan bayaran 90 token bagi setiap bilangan pengguna yang didaftarkan.
 - ii. Rakan anda perlu mengimbas kod QR dan membuat pembayaran sendiri sekiranya anda tidak mengimbas dan membayar bagi pihak kumpulan tersebut.
- c. Sekiranya anda dalam kumpulan campuran (warganegara Malaysia & warganegara luar), anda perlu mengimbas kod QR berdasarkan yang berikut:
 - i. Seorang warganegara Malaysia boleh mengimbas QR dan memasukkan maklumat bagi pihak warganegara Malaysia sahaja
 - ii. Warganegara luar perlu mengimbas QR secara individu atau berkumpulan melalui wakil warganegara luar

**Kanak-kanak dan Warga Emas tidak mengira warganegara Malaysia atau luar yang menggunakan perkhidmatan bas Smart Selangor sendiri boleh menaiki bas secara percuma jika mereka tidak bersama dengan pengguna biasa; tetapi mereka digalakkan membawa salinan MyKid, MyKad, passport yang asli*

**Definisi: Kanak – kanak: 18 tahun ke bawah, Warga Emas: 59 tahun ke atas*

**Bas Kapten tidak dibenarkan menerima pembayaran secara fizikal*



SOALAN LAZIM

9. Saya warganegara Malaysia tapi saya dikenakan bayaran! Tolong bantu!

Pastikan anda memasukkan maklumat MyKad anda dengan format yang betul semasa mendaftar. Anda boleh mengemas kini profil anda melalui aplikasi CEPat dengan mengakses Akaun > Kemaskini Profil di dalam aplikasi CEPat. Tiada bayaran balik sekiranya anda dikenakan bayaran kerana maklumat MyKad tidak lengkap atau salah semasa pendaftaran akaun.

9. Di mana saya dapat melihat sejarah perbelanjaan saya atau mengesan caj saya?

Anda boleh memilih ikon Akaun > Token Saya, untuk melihat semua rekod muat semula (*top-up*) dan perbelanjaan token anda.

11. Berapa lama saya perlu menunggu pendaftaran saya disahkan?

Setelah akaun anda berjaya didaftar, anda akan menerima kod pengesahan yang dihantar melalui alamat e-mel yang anda telah daftarkan. Pengesahan akaun anda harus dilakukan dalam tempoh 24 jam, sebelum anda log masuk ke aplikasi menggunakan ID dan kata laluan yang didaftarkan. Sekiranya anda gagal mengesahkan akaun anda dalam tempoh tersebut, kod pengesahan akan batal dan anda perlu melakukan proses pendaftaran sekali lagi.

11. Saya dikenakan caj lebih banyak daripada yang dinyatakan! Apa patut saya buat?

Anda boleh menggunakan saluran komunikasi berikut untuk sebarang pertanyaan dan sokongan yang diperlukan untuk aplikasi CEPat.

Talian Hotline: 1700-81-1418

E-mel: support@smartselangor.com.my

13. Apa yang harus saya lakukan sekiranya tiada liputan rangkaian / internet?

- Sekiranya anda seorang warganegara Malaysia dan menaiki bas bersama rakan atau ahli keluarga anda, minta salah seorang daripada mereka untuk mendaftar masuk bagi pihak anda.
- Sekiranya anda warganegara luar dan menaiki bas dengan rakan atau ahli keluarga warganegara luar, minta salah seorang daripada mereka untuk mendaftar masuk bagi pihak anda..

14. Apa yang harus saya lakukan sekiranya fungsi ScanToRide tidak boleh digunakan?

Sekiranya ini berlaku, kami mengesyorkan anda mencuba langkah-langkah berikut:

- Cuba log keluar dari akaun anda, tutup sepenuhnya aplikasi dan lancarkan semula aplikasi CEPat;
- Sekiranya tidak berjaya, cuba mulakan(*restart*) semula telefon anda;
- Sekiranya tidak berjaya, cuba nyahpasang (*Uninstall*) dan pasang semula (*Install*) aplikasinya;
- Pilihan terakhir adalah menghubungi perkhidmatan pelanggan kami di support@smartselangor.com.my atau 1700-81-1418 untuk bantuan lebih lanjut.

15. Apa yang harus saya lakukan sekiranya aplikasi gagal?

Sekiranya ini berlaku, kami mengesyorkan anda mencuba langkah-langkah berikut:

- Cuba log keluar dari akaun anda, tutup sepenuhnya aplikasi dan lancarkan semula aplikasi CEPat;
- Sekiranya tidak berjaya, cuba mulakan(*restart*) semula telefon anda;
- Sekiranya tidak berjaya, cuba nyahpasang (*Uninstall*) dan pasang semula (*Install*) aplikasinya;
- Pilihan terakhir adalah menghubungi perkhidmatan pelanggan kami di support@smartselangor.com.my atau 1700-81-1418 untuk bantuan lebih lanjut.

16. Mengapa saya tidak dapat melihat fungsi ScanToRide di CEPat?

Anda mungkin tidak mempunyai versi terbaru aplikasi CEPat di peranti anda. Pergi ke Google Playstore (Android) atau AppStore (iOS) dan pastikan anda memuat turun aplikasi CEPat versi terbaru. Cuba nyahpasang (*Uninstall*) dan pasang semula (*Install*) aplikasi sekiranya langkah sebelum ini tidak berkesan.

* Sekiranya anda seorang warganegara Malaysia dan menaiki bersendirian, sila maklumkan kepada kapten bas bahawa anda menghadapi masalah dengan liputan rangkaian / internet atau masalah fungsi tersebut tidak boleh digunakan. Anda perlu menunjukkan bukti masalah tersebut serta digalakkan menunjuk MyKad untuk tujuan pengesahan.

